

**TEKS UCAPAN  
YANG PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS PEMETERAIAN MEMORANDUM PERJANJIAN  
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG DAN DIMENSION BID SDN BHD  
PADA HARI RABU, 18 MEI 2016, PUKUL 10:00 PAGI  
DI DEWAN BANKUET, CANSELERI TUN ABDUL RAZAK, UMP PEKAN**

---

Saudara pengacara majlis;

Yang Berbahagia Dato' Aziz Ayob,

Ketua Pegawai Eksekutif, Dimension Bid (Malaysia) Sdn Bhd;

Yang Berbahagia Dr Mohd Shahreen Zainooreen Madros,

Pengarah Eksekutif, Malaysia Petroleum Resources Corporation;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Ishak Ismail,  
Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat & Kualiti);

Profesor Dr. Zulkefli Yaacob,  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat);

Profesor Dr. Jamil Ismail,  
Dekan, Fakulti Sains & Teknologi Industri;

Pegawai-pegawai kanan Dimension Bid (Malaysia) Sdn Bhd, Malaysian  
Petroleum Resources Corporation (MPRC), Petroliam Nasional Berhad  
(PETROMAS) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia  
(MIDA);

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi;

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

## **KATA PEMBUKA**

1. *Alhamdulillah*, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam pada pagi ini, bagi satu lagi pemeteraian kerjasama strategik antara UMP dan rakan industrinya yang terbaharu iaitu Dimension Bid (Malaysia) Sdn Bhd.
2. Adalah menjadi tekad pihak pengurusan untuk memastikan bahawa jaringan strategik Universiti ini dengan sektor industri terus diperkukuh dalam kerangka pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.
3. Untuk itu pada hemat saya, pemeteraian memorandum perjanjian dengan Dimension Bid Sdn Bhd yang difasilitasi oleh Fakulti Sains & Teknologi Industri ini merupakan antara respon yang konstruktif ke arah pengisian objektif bagi mencapai matlamat Pelan Strategik UMP 2016-2020.

4. Keunggulan Penyelidikan dan Inovasi merupakan salah satu daripada lima lonjakan yang telah dikenalpasti dalam pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020. Melalui lonjakan ini, UMP komited untuk memberikan tumpuan khusus terhadap kemampuan penyelidikan yang memberi impak kepada masyarakat melalui kluster penyelidikan yang berstruktur.
  
5. Maka itu, saya telah memastikan bahawa setiap Dekan Fakulti di UMP untuk menentukan inisiatif strategik di pihak mereka dalam konteks sumbangan yang konstruktif bagi memenuhi ekspektasi pihak pengurusan dan mengisi keperluan-keperluan khusus dalam konteks keunggulan penyelidikan dan inovasi di fakulti masing-masing.
  
6. Ini adalah penting bagi memastikan fakulti-fakulti di UMP berada pada jajaran strategik yang tepat dalam konteks tersebut. Ini juga adalah selaras dengan objektif ketiga Pelan Strategik UMP 2016-2020 iaitu menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang berteraskan teknologi demi memastikan kelestarian bakat dan bidang fokus penyelidikan.

7. Maka itulah saya percaya bahawa, langkah yang diambil oleh Fakulti Sains & Teknologi Industri untuk menjalinkan kolaborasi dengan Dimension Bid (Malaysia) Sdn Bhd melalui memorandum perjanjian adalah diasaskan kepada pertimbangan terhadap lonjakan dan objektif strategik UMP yang telah saya nyatakan sebentar tadi.

### **SKOP KERJASAMA**

8. Tuan-tuan dan puan-puan;

Saya amat sukacita kerana pemeteraian memorandum perjanjian antara UMP dan Dimension Bid dapat direalisasikan pada pagi ini setelah melalui proses rundingan, lawatan kerja dan perbincangan sejak bulan Oktober 2015 lagi.

9. Inisiatif ini, yang diterajui sendiri oleh Profesor Dr. Jamil Ismail selaku Dekan FIST mampu meningkatkan keupayaan fakulti tersebut dalam konteks pelaksanaan aktiviti penyelidikan yang memiliki manfaat serta nilai komersial dan pasaran yang tinggi.

10. Mengenalpasti rakan industri yang benar-benar kredibel serta berpotensi untuk mengembangkan daya saing penyelidikan dan inovasi merupakan antara cabaran yang sering dihadapi oleh kami di universiti.
  
11. Justeru, kesediaan Dimension Bid untuk berkolaborasi dengan UMP melalui pemeeteraian memorandum perjanjian ini merupakan satu petunjuk kepercayaan pemain industri yang senior terhadap keupayaan Universiti ini untuk turut menambah nilai secara konstruktif bagi manfaat perkongsian pintar yang dijalinkan ini.
  
12. Dalam hubungan tersebut, saya berharap bahawa UMP akan dapat menimba manfaat dari pengalaman luas Dimension Bid dalam industri minyak dan gas selama lebih 20 tahun sejak penubuhannya pada tahun 1994 dengan tumpuan aktiviti perniagaannya bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di Vietnam, Myanmar dan Turkmenistan.

13. Meneliti profil korporat Dimension Bid, saya juga melihat bahawa bidang-bidang kepakaran yang dimiliki syarikat ini seperti *Slickline Intervention, Cased Hole Electric Line Logging, Coiled Tubing Services, Braided Line Fishing*, dan *Subsurface and Data Services* adalah amat relevan dengan bidang-bidang kejuruteraan dan sains yang ditawarkan di UMP, terutamanya di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Ekektrik & Elektronik dan Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian.
14. Maka di sini, saya dapat melihat prospek pengembangan kolaborasi antara kedua-dua belah pihak melewati skop yang dimuktamadkan melalui Memorandum Perjanjian pada pagi ini.
15. Justeru, suka saya mencadangkan juga supaya fakulti-fakulti yang berkenaan untuk turut mendekati Dimension Bid bagi meninjau prospek-prospek tersebut. Dalam konteks ini saya percaya bahawa Dekan FIST, Profesor Dr. Jamil Ismail boleh membantu untuk memudahkan proses tersebut.

16. Pengembangan parameter dan skop kolaborasi tersebut tidak hanya memberi manfaat dari segi aspek penyelidikan, inovasi dan daya saing, tetapi juga mampu meningkatkan kepakaran dan kemahiran bakat dalam kalangan staf dan mahasiswa di Universiti ini. Maka antara prospek yang boleh ditinjau ialah program sangkutan staf, penempatan latihan industri mahasiswa, kursus jangka pendek, undangan syarahan tamu dan lain-lain.

### **HARAPAN DAN KATA PENUTUP**

17. Tuan-tuan dan puan-puan,

Maka, cabaran buat UMP dan Dimension Bid selepas ini ialah untuk memastikan intipati memorandum perjanjian ini diterjemahkan secara kolektif dalam bentuk inisiatif dan projek dengan pulangan manfaat yang memberi impak kepada pembangunan kepada industri minyak dan gas di negara kita. Ini tentunya menuntut komitmen yang tinggi daripada kedua-dua belah pihak.



18. Dalam konteks tersebut, saya percaya bahawa pegawai-pegawai bertanggungjawab di FIST dan Dimenson Bid telah pun menentukan carta perbatuan dan *roadmap* bagi membawa kerjasama ini menurut koordinat yang telah ditetapkan sebagaimana yang dihasratkan.
  
19. Bagi maksud tersebut, saya bersama pihak pengurusan UMP sentiasa memberikan sokongan yang penuh terhadap apa jua inisiatif atau projek yang bersifat konstruktif daripada kerjasama ini untuk diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi.
  
20. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada delegasi Dimension Bid (Malaysia) Sdn Bhd, Malaysian Petroleum Resources Corporation (MPRC), PETRONAS serta MIDA atas kunjungan dan pemeeteraian kerjasama pada pagi ini. Mudah-mudahan usaha yang digerakkan ini mendapat keberkatan dan dipermudahkan pula oleh Allah Ta'ala, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*